Dalam sistem demokrasi yang kita amalkan sekarang ini, soal keadilan kepada pihak pembayar cukai pendapatan adalah mustahak. Untuk tujuan ini maka Kerajaan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum telah menubuhkan sejak beberapa tahun yang lalu suatu badan yang dinamakan Persuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang ahli-ahlinya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Adalah tugas Pesuruhjaya itu untuk menimbangkan segala rayuan-rayuan yang dibuat oleh pembayar cukai pendapatan, jika sekiranya mereka tidak bersetuju dengan taksiran-taksiran yang dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dan jika pihak pembayar cukai atau Jabatan Hasil Dalam Negeri

tidak berpuas hati terhadap keputusan Pesuruhjaya itu mereka boleh merayu pula kepada mahkamah. Inilah sistem yang kita ada sekarang untuk mewujudkan keadilan kepada pembayar-pembayar cukai. Dari sini jelaslah bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak boleh mengenakan cukai sebarang sahaja. Adalah betul bahawa ada masanya Jabatan Hasil Dalam Negeri itu mengenakan cukai pendapatan atas anggarannya sendiri. Ini terjadi apabila pembayar-pembayar cukai itu tidak menghantar borang-borang taksiran seperti yang dikehendaki oleh Jabatan itu. Dalam keadaan seperti ini Jabatan tersebut mengikut undang-undang cukai pendapatan hendaklah membuat taksirannya sendiri.

Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah menjalankan tugasnya mengikut kehendak-kehendak undang-undang cukai pendapatan dan pembayar-pembayar cukai hendaklah patuh kepada undang-undang itu. Adalah mustahak bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri menjalankan tugas-tugasnya dengan tegas demi kepentingan mengutip hasil negara. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa ada pembayar-pembayar cukai yang hendak mengelakkan dari membayar cukai dengan menggunakan bermacam-macam helah yang boleh digunakan. Dan jika sekiranya Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak tegas dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya, maka sudah tentu kutipan hasil negara akan menjadi terancam. Sebagaimana telah saya sebutkan tadi jika sebarang taksiran cukai itu tidak adil bagi pendapat pembayar cukai, mereka mempunyai saluran yang tertentu untuk membuat rayuan dan menentukan samada taksiran itu salah ataupun betul.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh juga membangkitkan cukai pendapatan atas Syarikat Tinju Dunia. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi jawapan atas soal ini tempoh hari, saya tidak hendak menambah apa-apa jawapan saya sendiri atas jawapan tersebut. Dan beliau juga membangkitkan perkara berkaitan dengan apa yang dikatakan Social Welfare Lottery tickets dan Empat Ekor. Jabatan Hasil Dalam Negeri mestilah mengkaji permohonan-permohonan tersebut supaya pembayar cukai tidak mengelakkan membayar cukai atas sebab semata-mata mereka mengatakan bahawa tidak mendapat kemenangan dalam perjudian ataupun lotteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Kota Melaka, Kepong dan Kepala Batas yang mengatakan bahawa kadar pelepasan cukai sekarang ini tidak adil oleh kerana memandangkan keadaan negara kita yang sedang menghadapi masalah inflasi dan sebagainya. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa kita sentiasa mengkaji struktur cukai pendapatan supaya bolehlah kita mengadakan satu struktur yang progresif. Dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Kota Melaka mengatakan bahawa kita tidak ada satu struktur yang progresif oleh kerana nampaknya cukai atau pendapatan yang melebihi dari \$50,000 tidak cukup tinggi.

Suka saya mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan atas ucapan Menteri Kewangan apabila beliau membentangkan Ucapan Belanjawan tahun ini pada 6hb November, 1975. Saya tidak hendak membaca sekali lagi semua ucapan beliau, tetapi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan satu perkara sahaja.

(Dengan izin) The Honourable Members have mentioned that it is not a good tax structure in that we have not taxed those in the high income bracket substantially. May I remind the Members of the speech made by the Minister of Finance when he presented the Budget here on the 6th November, 1975, and I quote:

“In so far as those persons are concerned who have income from trade, business, profession or vocation and rent from the letting of properties, the income of this nature also attract a development tax of 5%. Secondly an individual is also liable to a 5% excess profits tax on his chargeable income in excess of \$75,000”.

If you take all these things into consideration, the effective rate of tax for persons in this category could rise to as much as 67%. Now this, I submit, Sir, at this point in time in our country, is a pretty high rate of tax, not forgetting the fact that as a country that is developing, as a country that wishes to attract investment and as a country that must rely to some degree on the private sector to provide the push and the initiative for development, particularly in industry, too high a rate of tax would prove to be a disincentive and we must learn from the

examples of other countries where a penal rate of tax actually is counter-productive. We will have to compare ourselves too with the tax systems in the neighbouring countries all of which are as anxious as we are to attract capital. Whilst I would subscribe, of course, to the comments made in this House about the need to restructure our society such as to make it a fair and a just society, I would also like to remind the Honourable Members that the resources for such restructuring can only come about when there is a climate of investment and an incentive for people to invest in this country such as to give us these resources. Whilst, of course, as the Honourable Member for Kepala Batas has said we can tax in terms of 80% or 90%, I would submit that the example of 80% tax or 90% tax even in the so-called very advanced countries has not proved to be an unmixed blessing. I think we need not have to go very far for examples of the counter-effects of such penal rates of taxation. Whilst we would work as I said, to look for a better tax structure, we shall have to watch the situation overall and not think in terms of only possibly a handful of people who have incomes above what, perhaps, one may regard as more than adequate and spoil the whole atmosphere of taxation in this country.

There have been a lot of comments made about the relief that we should allow to the lower income groups. Certainly, this is a matter which we have looked at quite often, and we have also looked at this question of parental relief but there are problems associated with the position of parental relief, problems of administration, problems of avoidance, problems of evasion, but certainly I would not like to give the impression that the Ministry of Finance, the Treasury Officials and the officials in the Department of Inland Revenue are unsympathetic to the fact that there has been an increase in the cost of living in this country. We recognise that, but we will at the same time have to devise a tax structure that we think should not also erode our tax base too much because there is a need, a great need, for resources for the Government of this country and the tax system of direct taxes is much more progressive than the indirect tax system. We would like to see quite frankly, a larger coverage of direct taxation measures such as to make it possible for us

to move away more and more from indirect taxes that hit both the rich and the poor whether or not they have the capacity to pay.

Mr Speaker, Sir, I do not think that I want to touch at length on the various details, suggestions and comments made by the various Members of this House excepting that I have taken note of all of them and they will, of course, form the basis of the continuing studies that the Department of Inland Revenue and indeed the Treasury are making at all times as regards the tax structure in the country given the changing circumstances of this country and given the changing circumstances of the rest of the world.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG KONTREK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Kontrek (Pindaan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan membuat pindaan ini ialah untuk memperkuat perjanjian-perjanjian biasiswa yang dibuat di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi dan juga Yayasan Biasiswa Negeri-negeri sebagai penganjur dengan penuntut-penuntut yang menerima biasiswa tersebut. Rancangan pemberian biasiswa atau apa-apa juga kemudahan kepada seorang penuntut oleh Kerajaan dan badan-badan berkanun adalah terikat rapat dengan rancangan mengadakan tenaga-tenaga terlatih bagi keperluan negara. Oleh yang demikian, pemberian biasiswa atau lain-lain kemudahan tidaklah boleh dianggap semata-mata sebagai bantuan sosial sahaja bahkan lebih tepat merupakan satu aspek daripada rancangan pembangunan negara yang tidak kurang pentingnya.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa ini perkhidmatan Kerajaan Pusat dan Negeri dan juga agensi-agensi separuh Kerajaan mengalami proses perkembangan yang pesat. Untuk mengendalikan projek atau rancangan pembangunan dalam tempoh beberapa tahun ini, Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi separuh Kerajaan memerlukan tenaga terlatih yang banyak sedangkan kumpulan tenaga terlatih sangat terbatas kerana pada keseluruhannya negara sekarang sedang menghadapi kekurangan tenaga terlatih dalam semua bidang professional. Dalam pada itu Kerajaan dan agensi-agensi separuh Kerajaan tidaklah dapat menandingi pihak swasta bagi mendapatkan tenaga-tenaga terlatih di pasaran terbuka kerana Kerajaan dan agensi-agensi separuh Kerajaan tidak berupaya memberi gaji yang tinggi dan lain-lain faedah perkhidmatan yang mewah seperti yang boleh ditawarkan oleh sektor swasta. Oleh itu tanpa penganjuran biasiswa yang lebih luas Kerajaan dan agensi-agensi separuh Kerajaan akan sentiasa terdesak oleh kekurangan kakitangan, terutama golongan professional dan kakitangan yang berkhidmat dengan mereka akan dipancing oleh pihak swasta yang menawarkan gaji yang lebih tinggi dan faedah-faedah lain yang lebih mewah.

Sebab-sebab yang menimbulkan perlunya diadakan peruntukan undang-undang dalam perjanjian biasiswa ini ialah kerana telah ada beberapa kes penuntut-penuntut dengan sengaja tidak mematuhi perjanjian untuk berkhidmat dengan Kerajaan, badan-badan separuh Kerajaan dan lain-lain penganjur

biasiswa iaitu samada mereka meletakkan jawatan setelah berkhidmat beberapa bulan sahaja ataupun mereka mencari pekerjaan dengan lain-lain pihak terutama bagi swasta tanpa mendapat kebenaran dari penganjur-penganjur biasiswa mereka terlebih dahulu. Pihak penganjur biasiswa mendapat sukar untuk menuntut haknya di bawah Perjanjian Biasiswa yang ada sekarang kerana beberapa kelemahan dalam Surat Perjanjian yang hanya boleh diatasi dengan peruntukan undang-undang. Di antara kelemahan-kelemahan ini ialah yang pertama kebanyakan penuntut-penuntut yang menandatangani Surat-surat Perjanjian adalah minor iaitu belum cukup umur dan dengan itu perjanjian-perjanjian dengan minor adalah tidak dapat dikuatkuasakan dari segi undang-undang dan kedua, bayaran balik kepada penganjur-penganjur biasiswa mengikut jumlah yang dipersetujui dalam kes penuntut yang tidak mematuhi perjanjian tidaklah dapat dikuatkuasakan atau dituntut sepenuhnya kerana ini merupakan satu penalty clause mengikut peruntukan di bawah Contract Ordinance (Malay States) 1950.

Selain daripada kelemahan-kelemahan diatas perkara tuntutan ganti rugi di bawah Perjanjian terpaksa dibawa ke Mahkamah Tinggi dan ini akan memakan masa yang lama atau panjang. Pada masa ini jumlah ganti rugi bagi semua kursus pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah adalah melebihi \$10,000 iaitu maksima yang boleh dibawa ke Mahkamah Sesyen Khas. Kelewatan menyelesaikan tuntutan seperti ini di Mahkamah Tinggi tentulah akan menggalakkan lebih ramai pemegang-pemegang biasiswa melepaskan diri daripada ikatan perkhidmatan mereka dengan penganjur-penganjur biasiswa.

Rang Undang-undang ini membolehkan kes-kes mungkir mematuhi Perjanjian Biasiswa ini dikemukakan dan diuruskan oleh Mahkamah Sesyen sahaja dan bagi Sabah dan Sarawak di Mahkamah Majistret Kelas Satu dan dengan itu mencepatkan proses tuntutan sivil yang berkenaan. Undang-undang ini juga akan menetapkan pendirian pinjaman (loan) oleh penganjur-penganjur biasiswa seperti MARA untuk pengajian di Universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi di bawah undang-undang ini dan tidak lagi di bawah undang-undang yang bersabit dengan undang-undang memberi pinjaman wang (money lending).

Rang Undang-undang ini juga membolehkan penganjur-penganjur biasiswa diwakili oleh Peguam Persekutuan atau Penasihat Undang-undang Negeri dan dengan ini menjimatkan belanja Mahkamah bagi pihak penganjur biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Akta ini tidaklah bermakna bahawa Kerajaan tidak akan memberi bantuan langsung kepada pihak swasta untuk mendapatkan tenaga-tenaga terlatih tertentu bagi membantu mereka di dalam beberapa aspek seperti melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita. Dari masa ke semasa Kerajaan akan menimbangkan pelepasan pemegang-pemegang biasiswa untuk memasuki bidang swasta ataupun untuk membuka firma-firma mereka sendiri. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan ini akan merupakan satu kawalan supaya pelepasan penuntut-penuntut Kerajaan atau separuh Kerajaan dapat dikawal dan diaturkan dan bersesuaian pula dengan keperluan tenaga terlatih di Jabatan-jabatan Kerajaan dan ejensi-ejensi separuh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.45 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, tetapi dalam pada itu suka membuat beberapa perhatian (observations) di dalam melaksanakan Undang-undang Pindaan ini.

Pertamanya ialah mengenai perlaksanaan di bawah Fasal 3 yakni mengenai institusi yang diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi pelajaran. Kita semua maklum bahawa tidak semua institusi yang ada baik di dalam negeri ataupun di luar negeri yang diiktiraf dengan resminya oleh pihak Kerajaan, maksud saya oleh pihak perangka scheme of service seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (P.S.D.) dan lain-lain. Apa yang mungkin berbangkit ialah satu-satu institusi pelajaran yang dinamakan oleh Menteri Pelajaran bagi maksud Akta itu tidak pula dipersetujui oleh pihak P.S.D. atau sebagainya bagi maksud-maksud penye-

larasan Scheme of Service. Walaupun pada zahirnya hal-hal ini ternampak kecil namun di dalam bidang perbicaraan, guaman dan lain-lain dalam kes sivil seumpama ini, kes Breach of Contract atau Breach of Agreement, perkara ini dapat menjadi suatu masaalah yang kompleks, umpamanya, pihak pemegang biasiswa akan mencari dalih dan berbagai-bagai "excuses" lantaran apa yang mereka pelajari bertahun-tahun lamanya itu boleh disifatkan sebagai, sekiranya mereka kembali ke tanahair apakala "Scheme of Servicenya" tidak sama dengan apa yang mereka pelajari mungkin mereka akan membuat beberapa dalihan di dalam perbicaraan kes mal.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang harus saya cadangkan di sini ialah sebelum sebarang biasiswa hendak dikeluarkan untuk mana-mana pelatih atau siswa ke mana-mana institusi yang dinamakan mengikut Akta ini, pihak-pihak berkuasa berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendapat perhatian daripada pihak P.S.D. Sungguhpun amalan ini berlaku sekarang namun setelah Akta ini dilaksanakan nanti yakni kalau tidak ada penyelarasan di bidang Scheme of Service atau perkhidmatan yang mungkin dibuat tawaran setelah pelajar itu balik, soal-soal semacam ini haruslah diteliti lebih halus lagi kerana walaupun pihak Kerajaan dapat mencari berbagai-bagai remedy di dalam Mahkamah, tetapi pihak pelanggar syarat-syarat Agreement itu pun akan mencari "remedy" yang demikian juga untuk berdalih yang mereka ini tidak diberi gaji yang sama dengan kelulusan mereka.

Perhatian yang kedua ialah mengenai sebarang biasiswa yang diberi oleh pihak-pihak Kerajaan asing. Sekarang ini kita lihat banyak para pelajar kita di tanahair telah diberi biasiswa oleh negara-negara asing seperti negara Timur Tengah dan sebagainya. Mungkin pemberian biasiswa oleh Kerajaan asing ini tidak tertakluk di bawah Akta ini, tetapi satu perkara yang harus dikaji ialah setelah mereka yang mendapat biasiswa dengan begitu mudah daripada negara-negara lain itu mungkin kembali ke tanahair, tetapi mereka tidak dapat mencari pekerjaan kerana mungkin biasiswa ke institusi pelajaran tinggi yang tidak dinamakan oleh Menteri di bawah Akta ini tidak diiktirafkan oleh Kerajaan kita sendiri. Jadi tentulah berbangkit soal kehilangan kepakaran (brain drain), kehilangan manusia yang

bijak yang pergi ke luar negeri dan yang mendapat keuntungan daripada pihak Kerajaan sendiri tidak mengeluarkan biasiswa itu malah Kerajaan lain. Jadi saya bimbang kalau sekiranya perkara ini tidak dapat diselaraskan dengan pihak Kerajaan. Eloklah pihak kita membuat satu ketetapan, umpamanya, sebelum daripada suatu biasiswa itu hendak diberi kepada pelajar-pelajar kita oleh negara-negara asing maka bagi pihak P.S.D. Kerajaan, Suruhanjaya dan sebagainya mesti mengkaji betul-betul dan mendapat approval terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian yang ketiga pula saya suka menumpukan kepada Fasal 5, iaitu mengenai pembayaran balik oleh pemegang biasiswa dan penjamin-penjaminnya, biasanya dua orang. Fasal 5 (b) antara lain berbunyi. " the scholar and the surety shall be jointly and severally liable to pay" ataupun siswa dan penjamin-penjamin itu adalah kesemua bersama-sama atau masing-masing bertanggungjawab bagi membayar balik jumlah wang yang dibelanjakan oleh pelanggar syarat biasiswa itu. Masaalah amalan yang selalu berlaku ialah tatkala seseorang siswa itu ditawarkan biasiswa, ibu-bapanya susah hendak mendapatkan penjamin-penjamin terutama sekali mereka yang berada di kawasan-kawasan pendalaman, kampung, desa-desa apa lagi mereka ini orang miskin, orang yang hidup di luar bandar. Dari segi pengalaman kita lihat bahawa mereka ini sangat menumpukan perhatian untuk mencari penjamin-penjamin ini kepada Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu-penghulu dan/atau Wakil-wakil Rakyat khususnya Ahli-ahli Parlimen atau Dewan Negeri. Apa yang menjadi masaalah sekarang ini ialah penjamin-penjamin dari kategori tersebut seumpama Wakil-wakil Rakyat tentu akan tersua dengan banyak jaminan-jaminan yang akan dibuat oleh mereka dan ini mungkin mengakibatkan suatu masaalah yang besar.

Saya suka memberi satu misalan umpamanya, ada seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan ini daripada Kelantan baharu-baharu ini telah dihantar surat oleh pihak pengeluar biasiswa hendak menggadaikan tanahnya, kerana dia menjamin seorang pelajar tetapi pelajar itu mungkin tidak bayar balik wang biasiswa itu dan sekarang ini walau macam manapun dapat diselesaikan secara berkira dan akan dibayar ansuran oleh Ahli

Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini sekarang. Persoalan seumpama ini, saya rasa bolehlah kita membuat satu peraturan supaya jangan sampai menyakitkan penjamin-penjamin itu dengan alasan untuk dicagar wangnya habis beratus-ratus ribu ringgit.

Selain daripada itu pula, Wakil Rakyat kalau sekiranya dibenarkan untuk memberi jaminan kepada sebarang biasiswa tidak dapat melakukan semua sekali dan ini boleh membangkitkan pula perasaan orang-orang lain di dalam kawasan itu. Umpamanya Yang Berhormat "A" menjamin seorang pelajar "B" dan oleh kerana pelajar "B" itu menceritakan kepada orang lain baharu Yang Berhormat ini menjamin beliau, maka ada pula pelajar "C", "D" "E" dan "F" akan datang kepada Yang Berhormat itu, jadi kalau ribut berlaku—kalau sekiranya Wakil Rakyat ini tidak dapat berbuat demikian, maka tentu sekalilah tuduhan pilih kasih akan berlaku. Bagi saya, saya suka mencadangkan supaya pihak penjamin mestilah datang daripada ibu-bapa mereka itu sendiri atau keluarga mereka, adik beradik mereka yang terdekat dan sekatan-sekatan tentang amalan biasa yang menyebabkan supaya setiap pinjaman mesti mempunyai pendapatan \$400 ke atas dan sebagainya itu perlu dihapuskan, kalau tidak akan susahlah pihak yang bakal menerima biasiswa itu mendapat biasiswa dengan tidak ada penjamin dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh tentang tempoh perkhidmatan yang bakal dikenakan ke atas setiap pemegang biasiswa yang biasanya kena bertugas dengan Kerajaan selama lima tahun, ini mengikut kebiasaan yang kita lakukan dalam agreement sekarang ini. Mengenai soal ini, saya suka mencadangkan supaya pihak-pihak berkuasa atau Kerajaan mengkaji semula atas tempoh perkhidmatan yang mesti dijalankan hasil daripada perjanjian dibuat antara pengeluar biasiswa dengan pelajar-pelajar itu kerana jurusan-jurusan yang dipelajari oleh satu-satu pemegang biasiswa itu amatlah berlainan antara satu jurusan dengan satu jurusan. Ini adalah tidak semuanya sama. Soal pengajian di universiti umpamanya tentulah sesuatu pemegang biasiswa itu tidak akan menjadi sama, kerana ini telahpun diperuntukan oleh pihak pengeluar biasiswa yang memakai "quota system". Jadi tentu sekali cara

mereka berlatih, cara mereka belajar di luar negeri dan sebagainya itu tidak sama disiplin jurusannya.

Perkhidmatan selama lima tahun tentulah buat masa sekarang ini bagi saya tidak mencukupi terutama sekali perkhidmatan kepakaran. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyebutkan bahawa kita amat kekurangan sekali orang-orang yang pakar dalam berbagai-bagai bidang khususnya bidang ikhtisas dan sebagainya. Saya rasa perkhidmatan selama lima tahun tidak memadai bagi mereka yang mempunyai kelulusan ikhtisas yakni mereka yang telah mendapat biasiswa Kerajaan. Adapun baharu-baharu ini satu usaha untuk menaikkan lagi tempoh perkhidmatan bagi doktor-doktor yang umpamanya daripada dua tahun kepada tiga tahun, saya rasa itu sepatutnya lebih dinaikkan lagi jumlah tahunnya supaya dapat kita mempunyai pegawai-pegawai yang pakar dalam semua bidang khususnya di Malaysia kerana zaman pembangunan, zaman sains dan teknologi yang kita akan laksanakan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga dan sebagainya itu memerlukan tenaga kepakaran demikian. Dan selain daripada itu pula di sebaliknya, mereka yang mempunyai biasiswa untuk mempelajari sesuatu jurusan yang bersifat "generalist" yakni sastra—arts, lukisan, ilmu alam, tawarikh, pengajian Islam, semuanya itu saya rasa tidak harus dipegang selama lima tahun kerana mereka ini sebenarnya boleh ditukarkan di mana-mana sahaja. Dia boleh jadi A.D.O., Pegawai Tadbir, Pegawai MCS, Diplomat dan sebagainya, jadi mereka ini tidak harus disekat—tidak harus dibuat perjanjian sampai lima tahun. Apa yang harus dibuat ialah kepada mereka yang bersifat kepakaran dalam jurusannya itu. Saya rasa dengan cara ini dapatlah kita memperbanyakkan lagi orang-orang yang pakar dan di samping itu mereka yang bersifat "generalist" ini boleh kita lepaskan mereka pergi ke pihak swasta dan sebagainya bagi memenuhi "administrative capacity" di tiap-tiap pejabat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penahanan bagi seseorang yang lulus dan memegang biasiswa kadang-kadang untuk mereka pergi belajar ke luar negeri kerana post-graduate untuk buat masters atau Ph. D. dan sebagainya tidak dapat dilepas-

kan. Ini saya rasa tidak harus kita menyekat, pihak PSD ataupun pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kita tidak patut menahan mereka kalau sekiranya tiap-tiap pemegang biasiswa itu mahu pergi ke luar negeri, mahu membuat post-graduate, harus kita lepaskan mereka supaya dengan cara ini dapatlah kita membanyakkan lagi orang-orang yang lebih mahir, lebih menjadi sarjana di dalam sesuatu bidang itu kembali ke tanahair dan dapat memberi khidmat bakti kepada negara.

Saranan saya yang lain pula ialah supaya pihak Kerajaan atau lain-lain badan yang memberi biasiswa supaya membuat peruntukan di dalam setiap perjanjian atau kontrak biasiswa itu di mana setiap pemegang biasiswa, saya rasa mestilah memotong sekian-sekian peratus daripada gajinya setelah mereka lulus untuk dicarumkan kembali kepada satu tabung yang besar. Saya rasa cara yang dibuat oleh MARA yakni sebelum mereka menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri pihaknya telah menetapkan dalam perjanjian itu supaya setelah mereka itu kembali ke tanahair, mereka apakala bekerja, akan memotong sekian-sekian peratus daripada gaji yang mereka dapati setiap bulan itu kepada satu caruman, yakni tabung MARA kembali. Saya rasa cara ini harus diselaraskan di semua bidang, pihak swasta atau pihak Kerajaan Negeri, atau pihak Federal, harus perkara ini dilakukan segera sekarang ini kerana kemungkinan di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga nanti kita akan kekurangan banyak wang, dan kalau sekiranya didapati ada satu tabung pusat menyelenggarakan soal-soal caruman seumpama ini dapat juga peluang yang lebih ramai, peluang kepada orang yang miskin yang berhak, tetapi tidak dapat kesempatan untuk mendapat biasiswa itu belajar ke luar negeri dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, melalui perbincangan ini juga, saya suka sebanyak sedikit membuat pengesyoran lagi yakni pengeluaran-pengeluaran biasiswa samada ianya daripada negeri-negeri, samada ianya daripada yayasan, daripada MARA, L.L.N., PETRONAS, Keretapi dan sebagainya, patut mengumpulkan mereka ini semua dijadikan sebagai satu "consortium" atau satu pakatan pusat di mana dapat antara badan-badan itu bekerjasama untuk menyelaraskan supaya dapat menentukan jumlah

biasiswa. Kerana berbangkit, Tuan Yang di-Pertua, umpamanya apakala selepas daripada keputusan H.S.C. tiba yakni selalunya dalam bulan tiga atau empat di seluruh Malaysia, "result" keluar dalam bulan tiga dan badan-badan yang mengeluarkan biasiswa umpamanya L.L.N., PETRONAS, FELDA dan sebagainya itu telah membuat iklan dalam surat khabar maka pihak pemohon-pemohon yang telah lulus H.S.C. beribu-ribu itu telah membuat permohonan di berbagai-bagai tempat, ada membuat permohonan daripada Yayasan Trengganu, ada membuat permohonan Yayasan Perak, Yayasan Sabah, Yayasan Pelajaran Kelantan dan L.L.N. Jadi soalnya sekarang ini ialah kadang-kadang seseorang pelajar itu—bakal mahasiswa kita itu telah ditawarkan oleh tiga atau empat pengeluar biasiswa. Ini saya rasa menjadi satu perkara yang tidak adil, kerana ada di kalangan mereka itu yang layak, berkebolehan, miskin tetapi tidak dapat kesempatan daripada ini kerana tawaran serentak dalam satu masa itu berlaku kepada seorang manusia oleh tiga pengeluar biasiswa. Saya rasa ini haruslah difikirkan betul-betul, harus diselenggarakan oleh pihak Yayasan Pelajaran Tinggi, pengeluar biasiswa, PSD, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan sebagainya supaya dijadikan satu "consortium" antara mereka sepakat dan dibincangkan supaya perkara ini tidak akan "overlapping" antara satu sama lain dan jangan ada seorang mahasiswa samada bumiputra, China atau India menerima dua biasiswa atau tiga tawaran dalam satu masa. Ini patutlah kita perhatikan betul-betul. Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah Kerajaan Negeri di Malaysia umpamanya tidak membuat sebarang "follow-up" kepada mereka yang telah menerima biasiswa negeri. Saya tidak mahu menyebutkan negeri ini, tetapi saya rasa perkara yang semacam ini sangat merugikan kerana jumlah wang yang terlampau banyak telah diberi dalam bentuk biasiswa ataupun bantuan dermasiswa pelajaran tinggi itu telah tidak di "follow-up" oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri. Jadi berlaku misalnya, setelah dia "graduate", dan keluar daripada universiti, dia akan mencari "greener pastures somewhere" untuk mencari gaji yang lebih banyak lagi di tempat lain dan melamar berbagai kerja, kerana tidak ada "follow-up" dan tidak adanya implimentasi daripada Akta ibu 1950 yang sebenarnya tidak ada "specific

clause" untuk menentukan yang mereka ini boleh didakwa oleh mahkamah dan sebagainya.

Jadi, dengan adanya Akta baru ini sebetulnya, dapatlah kita mengambil "remedy" yang baik dan mudah-mudahan pihak Kerajaan mulai daripada terlaksananya Akta ini akan menjalankan penyiasatan-penyiasatan dan membuat follow-up supaya "breach of agreement" atau "breach of contract" yang dilakukan oleh pelanggar-pelanggar syarat biasiswa itu dapat dilaporkan ke mahkamah atau dibicarakan di mahkamah dan dapat dibuat tuntutan balik wang-wang kesemuanya itu. Satu misalnya, umpamanya apa yang berlaku dalam satu ketika waktu kami membincangkan dalam Public Accounts Committee. Umpamanya satu kes di Jabatan Perikanan. Pihak Jabatan Perikanan telah menghantar seorang pelajar dalam Jurusan Perikanan keluar negeri iaitu ke New Foundland. Selepas itu dia kembali, tetapi "scheme of service" tidak ada. Hendak masuk jadi "attachment" pun tidak dapat. Hendak bekerja secara "temporary" pun tidak dapat, "scheme of servicenya" tidak disediakan. Pihak PSD yang mengeluarkan scholarship, tetapi akhirnya manusia itu telah lari mencari "greener pastures somewhere", mencari gaji yang lebih mahal dan sampai sekarang pun perkara itu masih belum selesai lagi. Jadi, perkara yang seumpama ini, saya rasa haruslah pihak Kerajaan mencari jalan, membuat kajian dan penyelidikan betul-betul kerana ini sebenarnya wang rakyat—bukan wang kita. Jadi pihak yang bertanggungjawab samada Jabatan Perkhidmatan Awam (PSD), pihak Federal, pihak Negeri, Yayasan-yayasan Pelajaran, Yayasan Sabah dan sebagainya perkara ini haruslah diperhatikan betul-betul dan saya sekali lagi mengesyorkan supaya diadakan satu "consortium" untuk mengeluarkan biasiswa ini supaya dengan cara ini dapat kita selaraskan. Dan dapat menentukan orang-orang yang benar-benar layak, miskin, tetapi tidak dapat meneruskan pelajaran kerana ianya tidak diberi kesempatan, kerana kerusi yang disediakan oleh satu-satu yayasan yang hendak mengeluarkan biasiswa itu memangnya terhad. Tetapi jangan berlaku ada seorang manusia, dua orang manusia, atau tiga orang manusia oleh kerana mereka itu anak orang besar, anak Tan Sri, ataupun anak Datuk mendapat kesempatan tiga scholarship dalam satu

ketika. Saya rasa inilah satu perkara yang suka saya memberi pandangan sedikit sebanyak. Saya berharap pihak Timbalan Menteri dapat memberikan sedikit sebanyak ulasan dalam hal ini ataupun kalau tidak dapat dilaksanakan, bolehlah diperbincangkan di masa-masa yang akan datang.

4.03 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maram): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Di sini saya suka memberi pandangan berhubung dengan Fasal 5.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun enam puluhan lagi, perkara memungkirkan perjanjian biasiswa telah banyak berlaku sehingga ia menjejaskan kerja-kerja di setengah-setengah jabatan Kerajaan. Perkara ini sering berlaku oleh kerana kita tidak mempunyai satu undang-undang yang tetap dan tegas mengenai perkara memungkirkan perjanjian seperti ini. Ada beberapa kes sahaja yang dibawa ke mahkamah tinggi dan keputusan yang dibuat oleh mahkamah tinggi ialah mereka ini tidak dikenakan bayaran ganti rugi sepenuhnya kepada pihak yang berkenaan. Mahkamah Tinggi memberikan peluang kepada mereka ini dan menimbangkan di atas tempoh-tempoh perkhidmatan yang telah diberikan biasiswa oleh pihak Kerajaan. Dan keputusannya adalah menggalakkan siswa-siswa yang lain supaya memungkirkan perjanjian seperti ini. Misalnya, kalau Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$5,000 setahun kepada seorang penuntut selama tiga tahun yang berjumlah \$15,000, dan jikalau penuntut tersebut telah memberi khidmatnya selama tiga tahun daripada jumlah kontrek 5 tahun maka mahkamah mengirakan bahawa beliau itu telah membayar sebanyak \$9,000 dan cuma \$6,000 sahaja yang dikehendaki untuk dibayar sebagai ganti rugi kepada pihak Kerajaan.

Jadi, timbangan seperti inilah yang menggalakkan siswa ini memungkirkan perjanjian dan apatah lagi kadang-kadang ada pihak swasta pula yang berani membayar atau menebus mereka ini kerana pihak swasta ini hendakkan siswa ini berkhidmat di dalam syarikat-syarikat mereka. Terutamanya mereka yang berkelulusan kejuruteraan,

actuaries yang jarang-jarang benar kita dapati di negara ini. Pada hari ini kita mempunyai satu Bill, dan saya percaya akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan setelah ianya diluluskan kita telah mempunyai satu Undang-undang yang tetap dan tegas mengenai perkara memungkirkan perjanjian biasiswa. Kita juga mempunyai satu deterrent clause iaitu di bawah Fasal 5 (b) (ii).

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin penuh dengan adanya deterrent clause ini perkara memungkirkan perjanjian ini tidak akan berlaku lagi. Tetapi di samping itu kita harus juga memberi pertimbangan kepada siswa-siswa yang mahu memperbaiki diri mereka dengan menukar pekerjaan. Misalnya selepas dua tahun dia mengajar dan dia berkelulusan Maktab Perguruan, maka dia berhenti dan masuk menjadi cadet di dalam tentera, ataupun jikalau dia sudah lulus daripada universiti mengajar dua tahun dan kemudian berhenti menjadi cadet A.S.P.

Dan sungguhpun penuntut ini telah memungkirkan perjanjian ini kerana berkhidmat di dalam jawatan yang dikehendaki seperti yang tertulis di dalam perjanjian itu namun demikian beliau ini masih berkhidmat di dalam jawatan Kerajaan. Dan jawatan yang baharu itu pula kalau kita fikirkan tidak pula kurang pentingnya kepada negara kita. Oleh kerana perkara semacam ini banyak berlaku di masa-masa yang lalu dan saya percaya di masa yang akan datang perkara ini akan berlaku lagi, jadi pihak Kementerian yang berkenaan seharusnya mengecualikan mereka yang di dalam kategori ini daripada sebarang tuntutan civil itu.

4.08 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai Rang Undang-undang Akta Kontrek yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Dengan keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terlampau banyak bahawa tujuan besar Rang Undang-undang ini dibawa ialah dengan tujuan untuk mengembalikannya kepada Kerajaan yang telah diberi kepada mahasiswa yang menerima biasiswa Kerajaan ataupun badan-badan Kerajaan yang telahpun tidak bertugas mengikut yang sepatutnya. Dan juga untuk menyelesaikan masalah-masalah itu dengan

cara yang lebih mudah iaitu dengan diberi kuasa kepada pihak mahkamah tengah (mahkamah session) untuk membicarakannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini walaupun nampaknya sedikit sahaja, tetapi sebenarnya perkara ini saya rasa adalah besar, kerana kita menuju kepada dua cara yang sulit iaitu dari segi Kerajaan, kita mahu mendapatkan pegawai-pegawai yang berkemahiran dan professional yang telahpun kita latih untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Tetapi sebaliknya pula di satu pihak yang lain, kita menggalakkan orang-orang yang berkemahiran dan orang-orang yang berkecayaan professional supaya melibatkan diri dalam lapangan pembangunan yang lain iaitu dalam pembangunan ekonomi, perniagaan khasnya daripada kalangan bumiputra. Jadi kedua-dua perkara ini saya rasa kalau kita tidak selaraskan mungkin kita akan bercanggah di mana maksud yang kedua yang tercatat dalam salah satu daripada Rancangan Dasar Ekonomi Baru mungkin susah hendak dicapai, sebab kebanyakan pelajar-pelajar yang telah dilatih oleh Kerajaan melalui biasiswa pinjaman dan sebagainya apakala mereka telah lulus dan mereka pulang selalunya mereka dapat tawaran-tawaran yang baik kalau dibandingkan dengan perkhidmatan Kerajaan. Perkara ini sebenarnya kita pun ada tersilap juga, kerana kita memberi gaji orang-orang professional ini terlalu rendah. Misalnya, dalam akauntan kita memberi gaji yang rendah kalau kita bandingkan jika mereka bertugas dengan pihak swasta. Demikian juga dalam bahagian architect, engineer dan sebagainya. Inilah yang selalu disungut-sungutkan oleh pihak-pihak yang mempunyai ijazah ataupun degree; yang tersebut kalau sekiranya dibandingkan dengan pihak-pihak yang lain seolah-olah mereka ini kurang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita dapati di mana-mana bidang sekali pun kita kekurangan orang professional. Kalau kita lihat dalam Jabatan Talikom misalnya, kita tidak cukup akauntan sehingga kita terpaksa menggaji orang yang bukan warganegara Malaysia untuk menjalankan kerja di bahagian kewangan ini, demikian juga dalam bahagian-bahagian yang lain. Jadi, saya rasa pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam harus mengkaji hal ini supaya mestilah ada galakan, agar mereka ini di masa akan

datang bukan sahaja disekat oleh undang-undang atau disekat oleh perjanjian, tetapi ialah dengan kehendak atau kesukaan dan kegemaran mereka untuk berkhidmat dengan pihak Kerajaan dan Badan-badan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berkenaan dengan Fasal 5 iaitu berkaitan dengan penjamin. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengkaji dalam hal ini agar penjamin tidak memikul beban yang berat. Sekarang ini sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai kebanyakan Wakil Rakyatlah yang paling berat bebannya, sehingga kadang-kadang sampai 20 atau 30 orang pelajar-pelajar yang mereka jamin. Jadi, kalau mengikut angka yang dijamin oleh sebahagian besar Wakil Rakyat itu, kalau 20 orang yang kita jamin, saya rasa sampai mati pun kalau mereka tidak bayar maka tidak mungkin kita akan terbayar, kita jamin hanya untuk membolehkan pelajar-pelajar ini melanjutkan pelajaran. Jadi amatlah baik sebagaimana syor Yang Berhormat dari Kuala Krai tadi iaitu cubalah cari sistem lain samada dijamin oleh ibu-bapa atau keluarganya.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan pula berkenaan dengan Huraian dalam Fasal 5 juga iaitu berkaitan dengan pinjaman yang kena bayar. Kalau sekiranya mereka enggan bertugas dengan Kerajaan ataupun pihak Badan-badan Kerajaan, mereka bukan setakat membayar wang biasiswa yang diambil tetapi termasuk belanja untuk mencari orang lain untuk menempatkan di tempat yang sepatutnya pelajar ini duduk. Saya tidak faham berkenaan dengan hal ini. Bagaimana perbelanjaan untuk mencari orang lainpun pelajar dan juga penjamin itu kena membayarnya, kerana wang mereka tidak ambil dan ini sudah tentu tidak betul. Pihak Yang Berhormat Menteri harus mengambil perhatian berkenaan hal ini supaya perkara yang saya sebutkan ini tidak akan berlaku. Saya bimbang dan takut, Tuan Yang di-Pertua, apakala Rang Undang-undang ini diluluskan mungkin akan kena kepada seorang dua yang telahpun mungkir perjanjian sebagaimana maksud Rang Undang-undang ini dibentangkan, maka bayaran yang akan dikenakan kepada mereka terlampau banyak dan saya rasa ini kurang memuaskan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan penyelesaian secara lain yang harus dibuat dalam hal ini, iaitu

dengan menggalakkan mereka yang telah keluar daripada berkhidmat dengan Kerajaan ini hendaklah mereka sanggup memotong gajinya daripada firm yang mereka bertugas, kalau mereka buat firm sendiri biarlah firm-nya sendiri ataupun dengan kompeni-kompeni besar maka kompeni itu yang akan membayar kepada Kerajaan. Ini satu jalan untuk mencapai maksud membanyakkan orang-orang kita khasnya bumiputra dalam bidang professional dan di samping itu juga Kerajaan tidak akan hilang wangnya, dan juga kalau syor saya yang pertama tadi diterima maka orang akan suka berkhidmat dengan pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah pandangan saya dan diharap pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan harus mengkaji benar-benar hal ini supaya tenaga-tenaga professional yang sebahagian besarnya akan menerima biasiswa ini harus diambil perhatian setelah kita melihat bahawa kita setiap masa kekurangan dalam bidang ini.

4.07 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyokong Rang Undang-undang Kontrek (Pindaan) tanpa saya dapat dan menerima penerangan yang jelas dan puas hati, kerana saya berpendapat bahawa Clause 5 (a) dan (b) itu sangat ketat dan kalau setiap barang yang ketat itu tentu mendatangkan sakit. Oleh kerana itu, saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengadakan beberapa syarat-syarat supaya ada flexibility. Di samping saya mengemukakan pandangan-pandangan saya, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini beberapa contoh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa Rang Undang-undang yang dikemukakan ini adalah kerana hendak memperkuatkan lagi beberapa syarat supaya mereka yang telah diberi biasiswa ini dapat kekal berkhidmat di dalam bidang Kerajaan atau badan-badan yang berkenaan tanpa berkhidmat dengan pihak swasta. Saya berkata bahawa jika mereka yang telah menerima biasiswa daripada pihak Kerajaan ataupun badan-badan yang berkenaan sanggup meninggalkan jawatannya dan pergi berkhidmat dengan pihak-pihak swasta, maka tentulah ada silap

somewhere along the line dalam scheme of service yang ada di sisi Kerajaan. Saya juga berpendapat bahawa jika seseorang pegawai itu berkhidmat dengan pihak swasta dan jika perkhidmatan dengan pihak swasta itu adalah for national interest, maka saya fikir tidak sewajarnya dihalang pegawai-pegawai itu untuk berkhidmat dengan pihak swasta. Jika pindaan yang dibuat ini untuk mendapatkan balik wang ataupun belanja yang telah dibelanjakan oleh pegawai itu belajar di United Kingdom, Amerika, Indonesia atau India misalnya, maka ada cara atau jalan lain, iaitu dibuatkan satu syarat bahawa pihak swasta yang mengambil pegawai ini hendaklah dikenakan membayar kembali apa juga belanja yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, bukan kita penalise pegawai ini untuk pergi memperbaiki careernya di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang saya bawa berkenaan dengan Clause 5 (a) dan (b) ini iaitu jika seseorang penuntut itu gagal dan sebagainya maka penuntut itu dan penjamin-penjaminnya bersama-sama membayar balik. Ada seorang pemuda, katakanlah, namanya si Ahmad daripada luar bandar, orangnya tidak berada; daripada golongan the have-not yang telah diberi biasiswa. Beliau telah menuntut dan berjaya dan balik ke tanahair bekerja. Di dalam syarat perjanjiannya itu dia terpaksa berkhidmat, katalah 5 tahun, tetapi sesudah berkhidmat setahun atau setahun setengah prospect untuk dia dapat promotion itu tidak begitu cerah, kerana dia daripada orang luar bandar, dan tidak ada mempunyai connection. Selalunya yang kita pandang secara umum: promotion based on whom you know and not on what you know. Oleh kerana dia ini anak seorang penoreh getah, anak seorang nelayan yang tidak ada kenalan dan influence, tiap-tiap kali interview untuk naik pangkat selalu sahaja gagal, tinggallah timescale. Jadi, timbullah perasaan frust. Dia pun pandang kiri kanan ada satu tempat yang lain hendak memberi dia kerja yang pendapatannya lebih lumayan, prospect of promotion lebih baik, maka dia pergi ke situ. Mengikut undang-undang ini beliau dan juga penjamin-penjaminnya akan membayar apa jua belanja-belanja scholarship itu kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada kejadian ini berlaku saya meminta keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika

penalty clause ini dikenakan maka dibolehkan pegawai itu membayar secara beransur-ansur daripada gajinya. Dengan secara ini bukan sahaja dia merasa puas hati di dalam kerjanya yang baru itu yang juga untuk national interest, tetapi dapat juga sesiapa juga badan yang memberi dia scholarship ini berkhidmat ataupun memberi perkhidmatan kepada seorang anak luar bandar. Akan tetapi, jikalau dituntut dengan cara ini, dibawa ke Mahkamah akibatnya adalah buruk kerana orang-orang yang diberi scholarship itu maklumlah scholarship, bererti adalah bantuan. Kalau bantuan sebenar-benarnya patut diberi kepada orang yang susah. Jadi bolehlah kita tahu siapa juga yang menerima scholarship itu adalah daripada keluarga yang susah, orang yang tidak berada, orang luar bandar.

Contoh yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada di dalam perjanjian-perjanjian mengatakan bahawa tiap-tiap seorang yang menerima scholarship itu disyaratkan:

- (a) tidak boleh berkahwin;
- (b) tidak boleh cuai di dalam pelajaran;
- (c) berkelakuan baik; dan lain-lain lagi.

Jika penuntut ini membuat kesalahan yang saya katakan tadi iaitu berkahwin, buat kelakuan tidak baik seperti hisap ganja, berjudi dan mendatangkan nama buruk kepada negara kita Malaysia, maka gagal dalam pelajaran, ditarik balik scholarship dan denda (penalty) dikenakan—syukur alhamdulillah—saya sokong. Tetapi jika penuntut ini belajar sudah 2 tahun masuk dua tahun setengah, katalah, ibu dan bapanya meninggal dunia dalam satu kemalangan dan tinggallah dia sebagai anak yang sulung, umurnya baru 18 tahun—orang kampung ini banyak anak sehinggakan ada yang 12 orang anak kadang-kadang pun ada—menjaga adik-beradiknya yang susun paku terpaksa dia meninggalkan pelajarannya untuk balik ke kampung dan bekerja. Kalau dia menjadi engineering student dengan dua tahun setengah menuntut maka dapatlah dia menjadi, katalah, Technical Assistant dan sebagainya. Bagaimana pandangan Kementerian terhadap perkara-perkara ini. Saya berpendapat bukan kuasa hanya diberikan kepada Kementerian untuk menentukan tetapi hendaklah diberi kepada Ketua-ketua Jabatan menentukan samada perkara yang dibuat oleh seseorang penuntut itu patut dikenakan penalty atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai teguran umum saya suka membawa perhatian kepada Kementerian yang berkenaan dengan scholarships yang telah diberi oleh badan-badan berkanun dan Kerajaan kepada pemuda-pemudi. Kita biasa dan suka sangat asalkan tiap-tiap seorang penuntut itu membuat kesalahan kita kecam, penuntut itu salah, penuntut itu tidak baik dan sebagainya. Saya mengatakan di sini 70% daripada kesalahan itu adalah bebanan kita sendiri dan Kerajaan sendiri yang salah. Sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada penuntut-penuntut yang kita hantar ke seberang laut adalah daripada pemuda-pemudi yang berasal daripada luar bandar atau kampung. Kehidupan dan cara-cara bandar adalah baru pada mereka. Ada separuh daripada mereka datang ke Kuala Lumpur pun jarang benar. Inikan pula pergi ke London, pergi ke New Zealand, pergi ke Sydney, pergi ke New York, memang susah bagi penuntut itu untuk menyesuaikan dirinya menghadapi cabaran-cabaran baru dan environment baru. Apa yang kita dapati sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah dibuat keputusan untuk memberi scholarship kepada si Ahmad, si Ah Chong, si Munusamy dihantar dengan begitu sahaja. Setengah-setengah pemuda-pemudi ini tidak tahu mengikat necktie, kadang-kadang pemuda-pemudi ini tidak tahu table manners menggunakan fork and spoon, kadang-kadang tidak tahu langsung bagaimana bercampur dan tata-tertib. Sudah tentu apabila sampai ke England, maka didapati hawa di sana 40° sejok, kecutlah, susahlah dia, makanan lain, adat resam pula lain. Jadi, pada masa itu senang sahaja dipengaruhi oleh orang-orang yang datang mengambil kesempatan. Oleh itu, saya bawa pandangan Kementerian supaya tiap-tiap student, tiap-tiap penuntut yang kita hendak hantar hendaklah sekurang-kurangnya satu bulan diberi satu kursus supaya benar-benar penuntut itu mengerti apakah suasana yang akan dihadapi oleh beliau semasa pergi ke seberang laut. Maka dengan cara ini dapatlah mereka menyediakan diri lebih kurang sama seperti orang yang hendak pergi ke bulan sekarang ini iaitu sebelum pergi ke bulan mereka diberi latihan bagaimana caranya, maka begitu juga student-student ini kalau sekiranya mereka hendak pergi ke England sama juga seperti pergi ke bulan keadaannya kerana mereka berasal daripada luar bandar.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran dari saya dan kalau saya puas hati dengan keterangan-keterangan yang diberi oleh pihak Kementerian saya akan tidak ragu-ragu menyokongnya.

4.31 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama mengalu-alukan pindaan Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Kontrek, 1950 untuk membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perjanjian-perjanjian biasiswa."

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kebenaran untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, this Bill deserves the support of all of us in view of the many cases of scholars quitting the Service after completion of their courses without taking into consideration the amount of money spent on them by the taxpayers. Tuan Yang di-Pertua, on the surface, the provisions of this Bill may appear to be very tough a condition. However, to those who are sincere, whose consciences are clear in the realisation that without the help of these scholarships, they might not be able to complete their higher study, to them, this Bill may appear totally unnecessary.

Tuan Yang di-Pertua, my humble submission is that the introduction of this Bill is a negative approach to the problem faced by us today. In fact, if we were to adopt instead a positive approach to the whole problem of awarding scholarships to those who deserve our help, then the introduction of this Bill is unnecessary. I refer, in particular, to the way the scholars are selected by the appropriate authorities. Tuan Yang di-Pertua, logically, scholars should be selected on individual merit irrespective of their racial origin, especially those from poor families and those whose academic performances are excellent. This should be the fundamental principle to follow in awarding scholarships to deserving cases. Tuan Yang di-Pertua, if this principle were accepted in awarding scholarships, I would say that the chances of scholars, on completion of their courses, quitting the Government service would be minimised. Tuan Yang di-Pertua, the trouble is that can we honestly tell ourselves that selection of candidates for

the various scholarship has been done purely and strictly on individual merits, without taking into consideration other factors? Are we honestly convinced that some people are not awarded scholarships by "pulling string" or by virtue of the fact that they know somebody personally or the so-called influential people who are in one way or another connected with somebody.

Tuan Yang di-Pertua, my point is that if the fundamental principle of awarding a scholarship, as I mentioned earlier, had been accepted, scholars selected would have been *bona fide* cases and they would realise that they owe an obligation to the appropriate authority, especially the taxpayers in this country as a whole. Such being the case, as far as these people are concerned, the introduction of this Bill would have been unnecessary.

Tuan Yang di-Pertua, touching on Clause 6, which says that the provision of this Act shall apply to existing scholarship agreements in the same way as they apply to scholarship agreements entered into after the coming into force of this Act, I think this Bill provides an opportunity for existing holders of scholarships, who have not yet completed their courses and who have the intention of eventually quitting the service, to declare their withdrawals now from the benefits accorded to them.

4.36 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill is quite welcome. This Bill is fair in so far as the Government is concerned, but from the point of view of the scholar, this Bill is incomplete because there is no mention of any agreement being broken by the Government authorities. What happens in the case of the agreement being broken by the Government? We have got some cases where the scholars have graduated, they have come back to Malaysia but they are not given jobs by the Government. They have to wait for months and sometimes years, but they are not offered jobs. Now in such cases, what happens? Are the scholars entitled to rescind their contracts and sue the Government for the period when they are unemployed? Can

the scholars get any remedy out of Government in such a case? There is no mention of this in this Bill.

I suppose Clause 5 of this Bill is unnecessary because it can, in fact, be included in any scholarship agreement. It can be included in the agreement rather than being put in this particular Bill.

Secondly, Mr Speaker, Sir, the Government should have a liberal and flexible attitude towards those scholars who have graduated with flying colours who wish to go for further studies, who wish to undergo a specialist course, for instance. The Government, in such cases, should draw up a fresh agreement to enable such scholars to proceed for specialist courses. But when we have got such cases, the Government normally is very slow in perhaps offering the scholars a fresh agreement, a chance to go for specialist courses.

I hope the Government will be flexible in this particular matter and enable those scholars who have graduated with flying colours to proceed further for specialist courses.

4.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu-dua perkara sahaja dalam Rang Undang-undang ini. Nampaknya, Rang Undang-undang ini dikemukakan untuk menahan atau mencegah pelajar-pelajar yang telah mendapat scholarship atau biasiswa daripada berhenti atau melanggar yang telah mendapat scholarship atau biasiswa daripada berhenti atau melanggar kontrak mereka. Saya minta izin meneruskan ucapan saya dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*): Sir, this clearly is an attempt by the Government to hold down the number of scholarship holders from leaving the Government Service before the completion of their contract or scholarship terms. However, although it is true that there are cases of scholarship holders who leave the Government Service because of greener pastures in the private sector where they can get higher remuneration in the private sector, there is also another cause of scholarship holders leaving the Government Service before the completion of

their contracts: it is because of the frustration in the Government Service where they find there is nepotism, where they find that promotion is not made according to merit, where they find there is a lot of favouritism and that merit is not appreciated; merit, performance and achievement are not given the due weight that should be given. So this, I submit, is also a very major cause for many Government scholarship holders, who have entered the Government Service with full idealism and dedication to serve the Government, to serve the country, but after one or two years they find that their services are not in any degree appreciated by their superiors or the Government as a whole. This is also one very major reason why we find a lot of doctors wanting to leave the medical and health services, apart from the higher pay that they may be able to get in the private sector. So this is an important area which the Government must look into and not just come to this House with this proposed Contracts (Amendment) Bill which makes a very unhappy provision in Clause 5 whereby a scholar who breaks the scholarship agreement will have to pay back the whole amount stipulated in the scholarship agreement without deduction of the sum for any partial period of service performed by the scholar on completion of his course of study. This will make it very restrictive especially on those persons who would be approached to be sureties. It will be particularly oppressive on the poor Malaysians of all races to find people to stand as sureties for them because the sureties will now be very frightened to endorse any such agreements because the sureties can never guarantee what will happen to a scholar on completion of his studies and whether for various reasons he may want to break the agreement. If this is going to be the law, probably there should be a consideration whereby a surety is not considered necessary and whereby it is a direct agreement between the scholarship holder and the Government and it should hold the scholarship holder to task.

However, I think that the exclusion for purposes of deduction, for such a breach of contract, of periods of service performed is not fair and the Government should reconsider Clause 6 which provides for retrospective, for backdating, effect of this Act, whereby all those previous scholarship

holders will also be bound under Clause 5 whereby if a scholarship agreement is broken, the scholar/or the surety shall be liable to pay the whole of the sum named in the agreement. I think it is unfair because the scholar who signed the agreement before this Amendment, or the surety who undertook to stand as surety before the Amendment, did not undertake to this new Clause in the Agreement. If it is to be fair and if there is going to be justice, all scholars and all sureties of existing scholarship agreements should be offered an opportunity to withdraw. Of course, just now one Member has said that this is an opportunity for all those who do not want to subscribe under this agreement to declare their withdrawal but that only applies in the case of those who can afford it and those who are very poor, who cannot raise money to pay for the breach of contract, this will not help them. On the contrary, I would suggest that, as basically and fundamentally all retrospective legislation is obnoxious, is offensive, in this particular case, this Amendment should not apply to existing scholarship agreements but should only apply to new, the present and future scholarship agreements because scholars and sureties of existing scholarship agreements have not been given the opportunity to disagree to this new provision.

These are two points which I wish to make.

4.45 ptg.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, lebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan, pendapat dan juga teguran terhadap Akta ini.

Sebenarnya semasa saya mengemukakan Rang Undang-undang ini, saya sudah pun menjelaskan iaitu Rang Undang-undang ini adalah cuma satu Rang Undang-undang yang mana tujuan ialah untuk membuat peruntukan berkenaan dengan remedy atas kemungkinan sesuatu perjanjian biasiswa oleh seseorang siswazah. Kandungan dalam Rang Undang-undang ini adalah untuk memperketatkan lagi cara-cara atau langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dalam Akta itu dahulu. Jadi apa yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam per-

bincangan tadi adalah banyak menyentuh berkenaan dengan teknik atau cara-cara mana mereka meminjam, barangkali tidak berapa sesuai atau adil seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Walau bagaimanapun, saya akan cuba memberi jawapan satu persatu, tetapi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah menganggap iaitu tujuan Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini ialah untuk mencegah atau menakut-nakutkan siswazah-siswazah atau pemegang-pemegang biasiswa kita itu. Kalau dilihat dari segi keadilan dalam dunia ini, sekiranya kita telah mendapat atau menerima sesuatu faedah dari pihak-pihak yang berkenaan, kita mestilah sanggup memberi sesuatu faedah dari pihak-pihak yang berkenaan, kita mestilah sanggup memberi balik jasa baik kita atau merasa terhutang budi kepada apa yang kita telah terima. Kalau kita ada membuat penyelewengan atau terkeluar dari landasan konsep itu, kita boleh dikatakan tidak jujur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai, misalnya kelayakan-kelayakan dari institusi pelajaran tinggi dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian dan juga pengiktirafan kelayakan tinggi, pada masa sekarang pelajar-pelajar adalah dihantar bagi kursus-kursus yang diiktirafkan. Apabila kelayakan-kelayakan tersebut dinilai oleh Jawatankuasa tersebut dan diiktirafkan oleh Kerajaan kelayakan-kelayakan itu biasanya dimasukkan dalam sekim perkhidmatan yang berkenaan. Jadi dengan itu dijangka bahawa perkara melantik pelajar-pelajar itu ke dalam sekim perkhidmatan tidaklah akan menjadi masalah lagi.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyebutkan berkenaan dengan biasiswa asing. Berhubung dengan perkara ini tawaran biasiswa itu dikehendaki disalurkan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam tawaran yang diterima adalah bagi kursus-kursus yang diiktirafkan. Jika belum diiktirafkan kelayakan-kelayakan itu akan dikemukakan bagi penilaian dan pengiktirafan Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan yang ditubuhkan itu.

Mengenai kesukaran mencari penjamin, peraturan yang diikuti sekarang ialah dalam hal menjamin yang terdiri dari ibu-bapa atau penjaga, maka sekiranya ia berpendapatan kurang dari \$400 ia juga boleh diterima

sebagai penjamin. Berhubung dengan perkara ini sebelum saya memasuki Kabinet, semasa saya menjadi Wakil Rakyat atau Ahli Parlimen dahulu saya sendiri juga seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sudah menjamin lebih kurang 6 orang biasiswa. Kadang-kadang ada dapat menjamin lebih \$6,000 pada masa dahulu, kemudian \$10,000, kemudian \$20,000 dan sekarang \$70,000. Jadi pada masa sekarang saya pun ada berasa takut sedikit oleh kerana kalau didapati mereka itu menyeleweng saya sendiri pun kena tanggung dan barangkali boleh jadi bankrap juga (*Ketawa*). Tetapi saya harap mereka jangan seperti kacang lupakan kulit.

Berhubung dengan tempoh perkhidmatan, pertimbangan telahpun diambil dengan jurusan-jurusan yang berkenaan dalam mencadangkan tingkatan perkhidmatan. Misalnya, bagi kursus iktisas, tempoh perkhidmatan yang dikenakan ialah 10 tahun dan bagi kursus lain seperti sastra-sains, tempoh ikatannya ialah 7 tahun. Walaupun ada tempoh ikatan yang disyaratkan, pertimbangan boleh diberi untuk melepaskan pelajar-pelajar ke pihak lain jika terdapat bekalan yang cukup bagi satu-satu kategori itu dan keperluan Kerajaan telah dipenuhi.

Berhubung dengan mereka yang ingin melanjutkan pelajaran post-graduate atau advance study, pertimbangan diberi untuk mereka membuat pengajian sekiranya perkhidmatan mereka dapat dilepaskan. Jadi ini satu daripada syarat mereka mestilah mematuhi. Dalam hal menyediakan sekim-sekim perkhidmatan yang berkenaan langkah-langkah diambil untuk membereskan sekim yang berkenaan itu sebelum pelajar itu pulang.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan iaitu mengadakan consortium di antara penganjur-penganjur biasiswa ini supaya bolehlah dapat satu langkah yang uniform, mereka boleh dapat scholarship atau biasiswa itu dengan secara yang teratur. Berkenaan perkara ini usaha-usaha telahpun diambil dengan beberapa penganjur seperti antara Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pelajaran dan juga badan-badan berkanun yang lain. Tujuannya ialah untuk mengurangkan seseorang itu ditawarkan lebih dari satu biasiswa dan inilah langkah yang telah diambil oleh badan-badan atau oleh Kementerian Pelajaran seperti yang disebutkan oleh saya tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga memberi cadangan melepaskan pelajar-pelajar ke lain perkhidmatan dalam Kerajaan. Pertimbangan untuk melepaskan mereka itu misalnya diberi berdasarkan kepada kedudukan kepegawaian dalam sesuatu perkhidmatan, bagaimanapun dalam merancang latihan keperluan sesuatu perkhidmatan diambil pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun menyebutkan berkenaan dengan gaji untuk professional. Perkara ini sekarang dikaji oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Mengenai pelepasan ke bidang swasta, pertimbangan boleh diberi jika kedudukan kepegawaian atau staffing dalam sesuatu perkhidmatan tidak begitu terdesak. Perkara ini sentiasa dikaji oleh Jawatankuasa Pelepasan Penuntut. Dalam hal ini ada juga firma-firma berkenaan diminta membayar balik perbelanjaan dilakukan oleh Kerajaan dan setengah-setengah daripadanya adalah membayar balik kelulusan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengatakan berkenaan cadangan meminta pihak swasta membayar balik kepada Kerajaan bagi pelajar-pelajar yang dilepaskan kepadanya. Perkara ini memang ada diuruskan dan dijalankan.

Mengenai gantirugi yang dicadangkan dalam Akta yang dipinda itu adalah deterrent, dengan yang demikian bayaran secara beransur-ansur adalah tidak wajar. Tujuan mengenakan gantirugi itu ialah untuk mengurangkan temptation atau yang menarik mereka untuk lari dari ikatannya. Bagaimanapun setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelepasan Penuntut didapati mereka itu dapat dilepaskan kepada pihak yang lain dan mereka ini akan dibenarkan berbuat demikian tanpa dikehendaki membayar balik. Kalau mereka boleh berbuat semacam itu, saya pun mengucapkan: good luck to them.

Berhubung dengan cadangan mengadakan induction course bagi penuntut-penuntut yang dihantar keluar negeri, perkara ini telahpun dilaksanakan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim menyebutkan mengenai tawaran biasiswa perlu dijelaskan bahawa tawaran biasiswa itu adalah diasaskan di bawah faktor-faktor yang saya jelaskan di sini, iaitu:

- (1) mesti selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang mana kita cita-citakan;

- (2) kelulusan akademiknya serta kecergasannya dalam kegiatan-kegiatan extra-mural; dan
- (3) keupayaan pelajar-pelajar itu atau keluarganya membiayai pelajaran pelajar tersebut.

Soal favouritism atau pilih kasih tidak timbul di sini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ada membuat cadangan untuk membenarkan pelajar-pelajar yang mendapat kelulusan yang lebih tinggi. Pertimbangan ada diberi tetapi inilah berdasarkan kepada keperluan Kerajaan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada juga menyebutkan berkenaan tujuan Akta ini ialah mencegah atau memberi kesusahan kepada penuntut-penuntut. Saya fikir ini tidak timbul seperti yang dijelaskan oleh saya tadi. Jadi, soal favouritism atau pilih kasih dalam tawaran biasiswa tidak timbul.

Berkenaan dengan cadangan mengecualikan pelajar-pelajar dari penjamin, ini akan memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar yang berkenaan untuk melanggar Perjanjian itu. Sekiranya seseorang itu dikehendaki mengadakan dua orang penjamin kemungkinan beliau melanggar Perjanjian agak kecil oleh kerana pelanggaran tersebut akan melibatkan penjamin-penjamin yang dipilih dan dicari olehnya sendiri. Dan juga untuk makluman Yang Berhormat dari Kota Melaka pada masa yang akan datang kalau kita dapat melatih atau memberikan kursus atau pengajian yang tinggi kepada seorang penuntut di dalam Universiti atau institusi-institusi pelajaran tinggi Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran akan membelanjakan lebih kurang beberapa ribu ringgit untuk menyempurnakan pelajaran siswa kita. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat faham akan perkara ini barangkali tidak timbul keraguan yang mana Kerajaan pada masa sekarang mahu membuat satu Akta untuk mengetatkan lagi syarat-syarat di dalam Perjanjian-perjanjian pelajaran yang dahulu.

Saya berharap juga Ahli-ahli Yang Berhormat boleh faham tentang hal ini oleh kerana negara kita sebagaimana dalam ucapan saya tadi ada dinyatakan itu kita hendak membanyakkan lagi tenaga-tenaga terlatih untuk pembangunan negara yang sangat pesat dan juga di dalam sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia,

negara yang kita cintai hari ini kita juga berharap supaya penuntut-penuntut khasnya siswa-siswa kita yang menerima tawaran daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Badan-badan Berkanun yang lain boleh mendapat kesedaran atau keinsafan yang mana kita mestilah selalu bertanya kepada diri kita sendiri, ini satu perkataan yang harum di dunia kita sekarang iaitu kita harus selalu bertanya kepada diri kita sendiri apakah yang boleh kita buat kepada negara kita yang sedang membangun hari ini dan bukan bertanya apakah negara boleh buat kepada kita.

Jadi, dengan cadangan ini saya berharap dapat memberi penjelasan kepada pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7—

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan cadangan bagi meminda Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu sebagaimana dalam Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pindaan ini adalah perlu kerana menjaga persamaan dalam rojokan berkenaan Sabah dan Sarawak di dalam Undang-undang. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 7 Gantikan perkataan-perkataan "sesuatu Negeri Borneo" yang terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan "Sabah dan Sarawak."

Clause 7 Substitute for the words "a Borneo State" appearing therein the words "Sabah and Sarawak."

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 7 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (PEMBUBARAN) AMANAH PERUMAHAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.08 ptg.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum:) Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Rang Undang-undang "Akta (Pembubaran) Amanah Perumahan, 1975" telah saya bacakan pada kali pertama di persidangan yang lalu. Pada kali ini saya suka membentangkan Rang Undang-undang tersebut bagi bacaan kali kedua dan selanjutnya saya mohon izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris disamping Bahasa Malaysia.

Sebagai yang kita sedia maklum Housing Trust telah ujud sebagai satu badan berkanun semenjak tahun 1950, iaitu di zaman pemerintahan Inggeris dahulu. Masanya sudah tiba sekarang ini bagi badan tersebut dibubarkan; kerana keadaan di Negara kita sudah jauh berubah dan ada badan-badan yang tertentu dan cara yang lain yang dianggap lebih berkesan bagi mencapai objektif-objektif perumahan yang telah diperbekalkan pada Housing Trust itu.

Ingin saya menerangkan bahawa Housing Trust telah juga ujud sebagai sebuah badan untuk merancang dan mengendalikan projek-projek perumahan terutama perumahan awam yang diperlukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Hasil daripada tindakannya Housing Trust telah dapat membina atau membantu dalam pembinaan hampir 27,000 buah yunit rumah, termasuk rumah-rumah teres, rumah-rumah sebuah dan rumah-rumah pangsa di seluruh Semenanjung Malaysia. Kemuncak perlaksanaan rancangan-rancangan Housing Trust adalah dalam tahun 1970 apakala ianya dapat menyediakan

rumah-rumah pangsa di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang serta membina beberapa rumah-rumah teres di bawah Rancangan Kilat di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia.

Semenjak tahun 1971 Housing Trust tidak lagi aktif seperti dahulu dan peranannya menjadi terhad kepada pembinaan sebilangan kecil rumah-rumah, menguruskan projek-projek perumahan yang telah dilaksanakan dahulu serta memberi khidmat nasihat dan teknikal kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang memerlukan perkhidmatannya.

(Dengan izin) In its present form the Housing Trust can no longer be considered an effective body to perform its functions on a national scale. Not only is its role limited but its activities and its exercise of powers are also based on the request of and delegation by the respective State Governments. Being a statutory body created pre-Merdeka to suit the situation of those days, the role of Housing Trust dwindled and its activities have already been assumed by a number of other Government instrumentalities both at the State and Federal levels. At present apart from FELDA, which undertakes public housing for its settlers on an intergrated basis institutions like UDA, State Secretary's Incorporations, State Housing Commissions (in Sabah and Sarawak) and the majority of the State Economic Development Corporations are known to implement housing at various levels.

Housing is not only a State subject under the Federal Constitution but also assumed new importance in the development activities of the States and through their various agencies the States have taken initiatives and implemented a number of public housing programmes to cater to the needs of their population. Their reliance on the Housing Trust has reduced to such a scale that it is considered proper that the said body be dissolved.

In its place, at the Federal level, a new National Department of Housing is being created under the Ministry of Housing and New Villages. This Department will perform certain administrative and technical functions to assist the State Governments and their agencies to undertake public housing and by itself (or jointly with some public sector agencies) implement a number of housing

projects on a complementary basis, particularly in areas where the capacity of the States concerned are limited to deal with major problems in housing. The new Department will also manage the Revolving Fund to assist people of low-income groups with loans to obtain housing.

Saya suka mengambil peluang di sini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada orang-orang yang telah berkhidmat di Housing Trust samada sebagai Ahli-ahli Jemaah Amanahnya ataupun sebagai pegawai dan kakitangan badan-badan tersebut. Apakala diperkanunkan Rang Undang-undang ini mereka yang masih bertugas di bawah Housing Trust akan diberi opsyen untuk berkhidmat sebagai pegawai-pegawai Kerajaan di Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Segala milik dan tanggungjawab Housing Trust akan dipindahkan sebagai tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Cadangan membubarkan Housing Trust dan menggantikannya dengan sebuah Jabatan Perumahan Negara adalah dianggap sebagai satu langkah yang positif dan selaras dengan perkembangan zaman. Oleh yang demikian, saya berharap Rang Undang-undang ini dapat diberi sokongan dan kelulusan jua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.15 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, di samping berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Gunakanlah Bahasa Malaysia kerana Yang Berhormat pandai dalam Bahasa Malaysia.

Tuan S. Samy Vellu: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada satu dua point baharu sahaja saya dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah saya benarkan sekarang ini tetapi campur-campurkan.

Tuan S. Samy Vellu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Amanah Perumahan, 1950 bagi

membubarkan Amanah Perumahan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta itu dan bagi memindahkan semua hartanya kepada Kerajaan Persekutuan.

(Dengan izin) Although I support the Bill, I still feel that I will be failing in my duty if I do not appreciate the work done by the Housing Trust of Malaysia for the past 25 years. This is one agency, Tuan Yang di-Pertua, that even before the independence of Malaya catered for the provision of housing for the poor. The Trust has carried out so many successful schemes during its existence. This Trust might have been inactive for some time, Tuan Yang di-Pertua, sebab peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan tidak dapat pada Housing Trust.

An agency of this could be fully utilised to realise our aim of achieving a house-owning democracy. It is difficult to establish an agency of this nature but it is easy to dissolve such an agency. I am sure a considerable sum of money was spent on the establishment of this Housing Trust. The Housing Trust was considered once as just second to the J.K.R. Housing Unit with a considerable amount of experience, a big team of technical experts such as architects, engineers and more than 50 trained technicians to do housing schemes for the poor. Tuan Yang di-Pertua, the Chief Architect and Executive Officer of the Housing Trust was even sent to France and other European countries to study the implementation of the prefabricated housing schemes yang mana, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita boleh nampak satu scheme yang besar di Jalan Pekeliling. This is an experience, know-how, technicality or knowledge which can only be gained by means of spending money. Sir, one can realise how much money would have been spent on all those overseas trips. What do we get in return? The dissolution of the Housing Trust. I am very sad

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak menasihatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak ada halangan Ahli Yang Berhormat memuji jasa-jasa Housing Trust tetapi tujuan Rang Undang-undang ini ialah hendak membubarkan atau memansuhkan Akta ini. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak memuji itu bolehlah tetapi jangan panjang sangat. Nampaknya Rang Undang-undang ini jadi warrant

hendak mansuhkan Housing Trust itu. Cubalah sentuh atas syarat-syarat atau prinsip-prinsip dalam Bil ini sahaja, sebab kita ada banyak lagi Rang Undang-undang yang hendak kita bincangkan. Kalau hendak memuji, pujilah sedikit-sedikit sudahlah, kerana ianya hendak dimansuhkan (*Ketawa*).

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, I think the Housing Trust is to be dissolved now and I request the Minister to make full use of all the existing staff and other experienced officials of the Housing Trust in the Ministry's Housing Planning Unit.

5.19 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit penjelasan atas Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, patutlah diingat bahawa Amanah Perumahan ini ditubuhkan pada tahun 1950 untuk dua tujuan yang utama. Yang Pertama, memajukan pembinaan rumah-rumah bagi seluruh Semenanjung Malaysia dan yang kedua, bertindak sebagai penasihat professional atau teknik kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam pembinaan rumah.

Walaupun tenaga kerja adalah terhad Amanah Perumahan ini telah cuba seberapa daya-upaya menunaikan tujuannya dan sesungguhnya di bawah Rancangan Malaysia Pertama dia berjaya membina lebih daripada 25,000 unit rumah-rumah harga murah bagi negara ini.

Saya memahami, Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab yang memaksa Amanah Perumahan ini dibubarkan kerana kakitangan-kakitangannya semakin berkurangan. Gaji untuk kakitangan Amanah Perumahan telah tidak dikaji semula hampir lebih kurang 10 tahun dan akibatnya telah timbul suasana tidak puas hati, oleh kerana ini kakitangannya telah meletakkan jawatan. Oleh kerana Kerajaan bercadang membentangkan Rang Undang-undang untuk membubarkan Amanah Perumahan kami berharap Kerajaan akan meneruskan usaha-

usaha untuk mencari langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mempercepatkan pembinaan perumahan di negara kita.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan patut mencuba sedaya-upayanya untuk mengatasi masalah perumahan khususnya masalah perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Di dalam estimate kita lebih kurang 500,000 unit rumah harga murah patut dibina untuk memenuhi keperluan golongan yang berpendapatan rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Untuk menunaikan tujuan ini yang memerlukan perancangan dan organisasi, kami ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya berusaha ke arah pembentukan sebuah Lembaga Perumahan untuk mengatasi keperluan perumahan ini. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi telah menyatakan bahawa satu Jabatan Perumahan Kebangsaan telah ditubuhkan di bawah Kementeriannya bagi menjalankan fungsi-fungsi teknik untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dan ejensi-ejensi lain untuk melaksanakan rancangan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya, penubuhan satu Jabatan Perumahan Kebangsaan tidak memadai untuk mengatasi masalah-masalah perumahan dengan berkesan.

Saya berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan menumpukan segala usahanya untuk menubuhkan satu badan yang bebas dan satu badan yang mempunyai kuasa yang cukup seperti sebuah Lembaga Perumahan untuk merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan perumahan bagi keperluan rakyat.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.23 ptg.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini untuk memansuhkan Housing Trust adalah satu pindaan yang akhirnya menutup satu siri experimentation yang panjang oleh Kerajaan bagi membina dengan secepat mungkin rumah-rumah murah untuk rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah. Housing Trust kita

ditubuhkan pada tahun 1950 dan sehingga tahun 1971 telah memberi sumbangan yang sungguh-sungguh berfaedah. Tetapi sejak tahun 1971 dalam tahun Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan, Housing Trust telah tidak dapat membuat sesuatu rancangan yang besar dan Kerajaan juga tidak dapat buat satu keputusan yang asasi mengenai cara atau sistem rekabentuk pertubuhan (organizational framework) untuk memajukan rancangan perumahan bagi rakyat yang berpendapatan rendah.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, Housing Trust yang mula-mulanya telah menjadi alat Kerajaan untuk merancang dan mengawasi pembinaan rumah-rumah murah telah daripada tahun 1971 dibiarkan sahaja dalam keadaan "tidak mati tidak hidup", (neither living nor dead). Kerjanya sudahpun kurang dan pegawai-pegawainya, khasnya pegawai-pegawai yang mahir dan beriktisat seperti akitek dan lain-lain, telah mula mencari kerja yang lain di luar Housing Trust atau di luar Kerajaan. Sekarang ini saya fikir tinggal seorang akitek sahaja dan pegawai-pegawai rendah sahaja dalam Housing Trust. Saya harap langkah yang kita ambil pada hari ini untuk memansuhkan badan Housing Trust ini dan menyambung tugas-tugas dan perjalanan Trust itu dengan Kementerian akan menukar keadaan sekarang yang tidak memuaskan langsung.

Saya sendiri berfikir, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita masih lagi belum mempunyai tenaga pegawai-pegawai yang berpengalaman dan mahir dalam menunaikan hasrat Kerajaan dan hasrat Yang Berhormat Menteri sendiri untuk membina antara 70,000 hingga 90,000 rumah murah setiap tahun bagi memenuhi kehendak rakyat jelata kita. Kita telah menubuhkan sebuah Jabatan Perumahan, tetapi, kita masih lagi tidak melantik pegawai-pegawai yang dikehendaki dalam Jabatan itu untuk menjalankan tugas-tugas berat yang diletakkan ke atas Jabatan itu. Jabatan Perumahan kita belum lagi menentukan cara perhubungan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri atau SEDC-SEDC di negeri-negeri; apatah lagi kehendak Jabatan ini untuk merancang dan research bagi menjalankan rancangan-rancangan perumahan yang amat besar seperti yang saya sebutkan tadi.

Saya harap, Yang Berhormat Menteri kita dapat melantik untuk Jabatan ini akitek-akitek, engineer-engineer dan pegawai-pegawai yang lain yang mahir dan berpengalaman, secara kontrek dan bukan menunggu perlantikan menerusi Public Services Commission dan lain-lain. Oleh kerana cara perlantikan pegawai-pegawai melalui PSC telahpun membawa beberapa masaalah kepada Jabatan-jabatan teknikal dalam Kerajaan kita.

Jabatan-jabatan itu masih menghadapi kekurangan kakitangan yang mahir dan berpengalaman. Saya harap dengan melantik pegawai-pegawai yang berpengalaman secara kontrek, kita akan dapat mengatasi kekurangan dalam Jabatan Perumahan oleh sebab tugas-tugas Jabatan Perumahan itu adalah amat penting dalam Dasar Ekonomi Baru dalam usaha Kerajaan kita untuk meninggi atau memperbaiki taraf hidup rakyat miskin di Malaysia ini.

Satu lagi aspek yang saya ingin sentuh ialah mengenai kakitangan. Dalam Clause 10 Bill ini ada disebutkan bahawa pegawai-pegawai yang dipindahkan ke Kerajaan tidak akan dapat terms and conditions of service yang kurang daripada apa yang mereka dapati pada masa ini. Ini adalah satu perkara yang rumit dan saya harap, Tuan Yang di-Pertua akan mengizinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris dalam perkara ini kerana ada perkara-perkara teknikal.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this Bill, I think, brings to an end a very long and painful procrastination of the fate, the terms and conditions of service of the staff of the Housing Trust, who for over ten years have had to put up with all manner of difficulties and all manner of delays in respect of their terms and conditions of service. The staff of the Housing Trust have been unprotected victims of bureaucratic delays concerning their terms and conditions of service, unprotected victims of a series of Commissions that have been appointed to look into the terms and conditions of service of people attached to the Government and statutory bodies as a whole.

Way back in 1962, when the first scheme of service was introduced for the officers of the Housing Trust, the then serving officers had submitted to the Chairman of the Housing

Trust, who was at the same time the Minister, that their salaries were far inferior to their counterparts in various other statutory bodies or Government Departments. In fact, Sir, at the point in time, as well as at present, their all-in salary was inferior to the basic salary of most statutory authorities including those of the Dewan Bandaraya, the Lembaga Letrik Negara and so on. In 1965, when a formal Memorandum was submitted to the Chairman and the Minister, an *ad hoc* Committee was set up by the Chairman to look into this grievance, an *ad hoc* Committee of Officials and others. In 1967, this *ad hoc* Committee more or less went into limbo when the Suffian Salaries Commission was established to look into the terms and conditions of service of the officers in the Government Service. Their claims were frozen and after repeated reminders were sent and after repeated representations were made in 1969 in order to alleviate what was a serious problem, another Committee of Officials was set up to deal with the claims of these officers of the Housing Trust. This Committee went on functioning until in 1971, the conversion terms recommended by the Suffian Commission were announced to be under active consideration for officers of the Housing Trust. It was proposed then that these officers would be absorbed into the Suffian Scheme of Service and conversion terms offered for them to be so absorbed. But in July 1971, 19 months after the receipt of the Suffian Report and 6 or 7 years after a formal Memorandum had been submitted to the Housing Trust for revision of the terms and conditions of service, the officers of the Housing Trust were informed that all action to implement the Suffian salary scales for Housing Trust employees was suspended as the Government had now appointed the Harun Commission to look into the terms and conditions of service of all employees in the Statutory Bodies and public authorities. Three times they have been left unprotected, as a result of various Service Commissions being appointed to look into the terms of service.

A few months ago, I think, the employees of the Housing Trust were offered to be placed under the Harun Salary scales. This is precisely 10 years after their claim was made—on the 25th anniversary of the establishment of the Housing Trust—for the purpose of determining a fair and just salary

